

PT3 Praktis 10: Peribahasa**Bahagian A**

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

1 'Fikirlah masak-masak sebelum kamu melepaskan jawatan ini, kerana belum pasti kamu akan selesa di tempat baharu itu kelak yang kononnya akan menjanjikan tawaran gaji dua kali ganda daripada yang kamu peroleh sekarang ini. Saya khawatir kelak _____,' nasihat pengurus besar syarikat itu kepada Fitri.

- A yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- C laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan
- D hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri

2 Puan Janet yakin sekali bahawa pertelingkahan antara anak-anaknya itu tidak akan berpanjangan, sebaliknya mereka akan berbaik-baik seperti sedia kala.

Peribahasa yang berikut dapat dikaitkan dengan keyakinan Puan Janet, **kecuali**

- A air pun ada pasang surutnya, takkan pasang selalu dan surut senantiasanya.
- B cencang air tidak putus, pancung abu tidak akan berbekas.
- C carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.
- D air dicencang tidak akan putus.

3 Peribahasa ini mengingatkan bahawa orang yang berpangkat atau berdarjat tidak akan hilang darjatnya jika bergaul dengan orang bawahan.

Peribahasa yang sesuai dengan maksud di atas ialah

- A anak kucing menjadi harimau.
- B jika ular menyusur akar, tiada hilang bisanya.
- C air yang dingin juga yang dapat memadamkan api.
- D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.

4 Nurin bercadang untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang kedoktoran, tetapi ibunya tidak menyetujui cadangan Nurin. Bagi ibu Nurin, Nurin akan menghadapi cabaran yang besar kerana dia memperoleh keputusan SPM yang kurang cemerlang. Nurin pula berpendapat bahawa semua bidang ada cabarannya, bak kata pepatah

- A tidak ada laut yang tidak berombak.
- B alang-alang berdakwat, biar hitam.
- C genggam bara api, biar sampai jadi arang.
- D jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

5 Walaupun keputusan perlawanan bola sepak itu sudah diketahui namun masih banyak peminat sukan tanah air yang bercakap-cakap tentangnya. Hal ini boleh diibaratkan sebagai

- A rumah sudah, pahat berbunyi.
- B menangguk dalam air keruh.
- C sebab nila setitik rosak susu sebelanga.
- D disangka panas sampai petang, kiranya hujan tengah hari.

6 Peribahasa yang berikut membawa maksud sikap anak yang menurut baka ibu bapanya, **kecuali**

- A bapa borek anak rintik.
- B melentur buluh biarlah dari rebungunya.
- C ke mana tumpah kuah, kalau tidak ke nasi.
- D bagaimana acuan, begitulah kuihnya; bagaimana contoh begitulah gubahannya.